

45

**TAZKIRAH MINGGU INI (T.M.I.): MUKMIN YANG BERAKHLAK
MENDAPAT DARJAT**

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 04 Julai 2011 8:21

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

4 JULAI 2011/2 SYAABAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: SUKACITA dikemukakan Tazkirah Minggu Ini (T.M.I) oleh Pusat Islam untuk renungan bersama:

Mukmin Yang Berakhlak Mendapat Darjat

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya seseorang mukmin itu dapat mencapai darjat orang yang berpuasa yang mendirikan sembahyang di tengah malam disebabkan akhlaknya yang mulia."
(Riwayat Abu Daud)

Huraian

1. Allah SWT memberi ganjaran pahala yang amat tinggi kepada orang yang berakhlak mulia, setaraf dengan orang yang berpuasa serta mendirikan sembahyang di tengah malam.
2. Setiap Muslim hendaklah berusaha mempertingkatkan kualiti akhlaknya agar menjadi baik dan lebih baik sepanjang menjalani kehidupan di dunia ini kerana setiap amalan tidak kira berbentuk kebajikan atau kejahatan akan dihitung dan dihisab di akhirat kelak.
3. Mukmin yang mempunyai akhlak mulia, bukan sahaja mendapat kemuliaan di dunia, bahkan mendapat darjat yang tinggi di sisi Allah di akhirat nanti.

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Ustazah Madiah binti Mohamed Ibrahim di talian 04-928 5806.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my